

17 NOV 1998

MB-Mahathir

MAJLIS MB/KM KESAL CAMPUR TANGAN ASING

KUALA TERENGGANU, 17 Nov (Bernama) -- Majlis Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri kesal dengan sikap beberapa pemimpin asing yang cuba mencampuri urusan dalaman Malaysia semasa berlangsungnya sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur.

Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang juga pengerusi majlis itu berkata semua Menteri Besar dan Ketua Menteri berbangga dengan kesabaran yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tetap meneruskan tugas dengan baik walaupun diserang dari pelbagai arah.

Sokongan padu akan terus diberikan kepada Dr Mahathir, kata Wan Mokhtar sambil melahirkan keyakinan penuh bahawa Perdana Menteri mampu menangani isu politik dan ekonomi dengan jayanya.

"Dengan kenyataan ini, kita berharap Perdana Menteri tidak merasa keseorangan dalam menangani serangan dari luar negara itu," kata beliau pada sidang berita untuk mengumumkan mengenai satu resolusi menyokong kepimpinan Dr Mahathir dan mengutuk cubaan pihak asing mencampuri urusan Malaysia.

Wan Mokhtar berkata semua Menteri Besar dan Ketua Menteri sependapat bahawa kenyataan pemimpin-pemimpin asing itu mencerminkan kegagalan mereka memahami diplomasi peringkat tertinggi dalam aturan hubungan antarabangsa serta kurangnya sensitiviti budaya dan adab sopan.

"Kami juga membantah kenyataan pemimpin-pemimpin tertinggi asing berkenaan yang mempertikaikan keutuhan sistem kehakiman negara dan tanggapan kononnya Malaysia tidak mendaulatkan undang-undang," katanya.

Semua anggota majlis itu yang menyampaikan sokongan mereka terhadap resolusi itu melalui telefon dan faksimili kepada Wan Mokhtar juga menganggap usaha pemimpin tertinggi asing itu sesuatu yang bersifat menghina kerajaan dan rakyat Malaysia seluruhnya serta mencabar kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka.

"Sebagai sebuah negara yang berdaulat dengan mandat yang diberi oleh rakyat melalui proses demokrasi dan sistem raja berpelembagaan, hanya rakyat Malaysia sahaja berhak menentukan masa hadapan mereka dan negara ini melalui proses yang sedia ada iaitu pilihan raya," katanya.

Wan Mokhtar berkata sebenarnya beberapa pemimpin-pemimpin tertinggi asing tidak mahu melihat kejayaan dan kemajuan yang dikecapi oleh Malaysia.

Mereka mahu melihat Malaysia menjadi seperti negara-negara miskin yang lain yang sering berada dalam kancah huru-hara, katanya.

"Sikap pemimpin-pemimpin asing itu seolah-olah menunjukkan dendam yang berterusan kepada Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Naib Presiden Amerika syarikat Al Gore yang menyatakan sokongannya terhadap pergerakan anti kerajaan, Wan Mokhtar berkata sokongan itu menunjukkan seolah-olah mereka turut sama merancang gerakan tersebut.

Gore yang berucap pada satu jamuan malam sempena Sidang Kemuncak APEC malam tadi telah menggemparkan majlis tersebut dengan menggunakan kesempatan itu untuk menyatakan sokongannya kepada gerakan "reformasi" dan menyifatkan kelompok yang terlibat dalam gerakan itu sebagai kalangan orang Malaysia yang berani.

Dr Mahathir turut hadir di majlis itu yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra.

-- BERNAMA

SBS MAI